

## **PERASMIAN PERWAJA STEEL SDN. BHD**

GURUN, KEDAH, 20 Februari 1993

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan Kumpulan Perwaja Steel Sdn. Bhd. kerana menjemput saya untuk berucap dan seterusnya membuka dengan rasminya Kilang Perwaja di Gurun pagi ini.

2. Pembukaan Kilang Perwaja ini merupakan satu lagi mercutanda dalam pembangunan industri berat di negara kita, terutamanya dalam bidang besi dan keluli. Besi dan keluli memainkan peranan penting dalam program pembangunan negara-negara yang sedang membangun kerana ia merupakan sumber yang digunakan di dalam industri kejuruteraan, pengangkutan, barangan elektrik, tempaan logam dan industri binaan.

3. Sungguhpun sumbangan industri ini kepada pengeluaran pembuatan di Malaysia masih agak kecil, namun ia sedang mengalami pertumbuhan yang pesat serta perubahan dalam struktur pengeluaran barangannya. Justeru itu, pengeluaran besi dan barangan keluli telah meningkat semenjak kebelakangan ini, iaitu daripada 1.6 juta tan pada tahun 1987 kepada 3.4 juta tan pada tahun 1991.

4. Pertumbuhan industri ini adalah menggalakkan dan terus berkembang untuk menghasilkan lebih banyak lagi barangan hiliran dan nilai ditambah. Dalam hal ini, tidak dapat dinafikan bahawa semenjak beberapa tahun dahulu industri besi dan keluli negara tertumpu hanya kepada pengeluaran barangan seperti billets, bars dan rods bagi tujuan pembinaan, pengeluaran wires, bolts dan nuts, pengeluaran keluli dan fabrication, dan barangan kejuruteraan lain iaitu tools, moulds, dies dan cylinder.

5. Kita mungkin menyoal mengapakah Syarikat Perwaja ini menceburi pembuatan barangan hiliran yang lebih canggih. Daripada sudut ekonomi, projek ini dijangka dapat mengeluarkan barangan yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi, yang boleh meningkatkan lagi kemajuan Perwaja Steel Sdn Bhd. Memandangkan Perwaja Steel di Kemaman, Terengganu akan menggandakan pengeluarannya daripada 600,000 metrik tan kepada 1.2 juta metrik tan berikutan permodenan kilangnya pada tahun ini, maka ia akan menjadi satu sumber bahan mentah yang tetap kepada kilangnya di Gurun.

6. Kilang di Gurun ini dijangka mengeluarkan dua barangan asas, iaitu steel wire rods dan steel round bars dan mempunyai keupayaan pengeluaran sebanyak 450,000 metrik tan setahun. Saya difahamkan kos kilang ini adalah sebanyak RM400 juta dan mempunyai teknologi yang termoden di Malaysia yang dicipta oleh pengeluar jentera terkenal Itali, Danieli and C.SpA.

7. Saya difahamkan juga bahawa alat jentera yang termoden ini akan menentukan pengeluaran steel wire rods dan bars yang bermutu dan bergred tinggi yang pada ketika ini tidak dikeluarkan oleh mana-mana pengeluar keluli.

8. Oleh itu, pengeluar-pengeluar keluli tempatan seharusnya tidak berasa cemas atau bimbang bahawa pasaran mereka akan diambilalih oleh kilang Perwaja di Gurun ini apabila ianya beroperasi sepenuhnya. Pengeluaran kilang ini, tidak sepertimana dengan pengeluaran kilang-kilang besi waja yang lain di negara ini, tidak akan digunakan untuk tujuan pembinaan. Pengeluarannya akan digunakan hanya sebagai bahan mentah bagi memproses lagi barangan hiliran seperti spring, ball-bearings, hydraulic couplings yang mana kesemuanya memerlukan keluli yang bermutu khas.

9. Pada masa ini pengeluar-pengeluar komponen dan bahagian keluli memerlukan keluli yang bermutu tinggi. Adalah dianggarkan bahawa sejumlah 200,000 metrik tan keluli ini diimport pada tiap-tiap tahun untuk keperluan ini. Justeru itu, kilang di Gurun ini akan membantu negara menjimatkan banyak tukaran asing.

10. Hasil penjimatan tukaran asing ini tentu sekali akan memanfaatkan rakyat Malaysia. Tetapi lebih penting, ia akan membuka jalan bagi Malaysia untuk menghasilkan barangan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi serta berteknologi canggih. Projek ini akan membantu meningkatkan lagi keupayaan teknologi dan paras kemahiran negara dan dengan itu mendekatkan kita untuk mencapai matlamat Wawasan 2020.

11. Saya yakin kilang Perwaja ini akan memberi manfaat kepada pembangunan industri daripada segi mengukuhkan rangkaian industri sesama sendiri, iaitu memperkuatkan hubungan di antara dan di kalangan industri, di samping mengukuhkan lagi keupayaan eksport Malaysia. Saya harap penubuhan kilang ini akan menggalakkan lebih ramai lagi pelabur untuk mencebur dalam bidang pemerosesan hiliran barangan besi dan keluli. Kilang-kilang keluli memang mempunyai peranan penting dalam membantu kita membangun industri-industri kejuruteraan dan industri sokongan dengan memberi peluang untuk fabrication berbagai-bagai alat ganti dan komponen yang diperlukan oleh kilang-kilang.

12. Di masa lampau eksport barangan besi dan keluli telah meningkat dengan agak pesat daripada RM250 juta pada tahun 1981 kepada RM1.06 ribu juta pada tahun 1991. Dengan kemampuan kilang ini mengeluarkan keluli yang bermutu tinggi, eksport barangan keluli dijangka bertambah dengan lebih pesat lagi di tahun-tahun akan datang. Saya ingin menegaskan bahawa penggunaan keluli per kapita negara telah meningkat daripada

41 kilogram pada tahun 1971 kepada 220 kilogram pada tahun 1992. Malaysia kini digolongkan sebagai pengguna keluli di tahap sederhana.

13. Kadar penggunaan keluli ini dijangka meningkat 25 peratus setiap tahun bagi barangan tertentu dan sebanyak 10 peratus hingga 15 peratus secara keseluruhan. Memandangkan hakikat ini dan keperluan bagi bekalan tempatan yang besar, pendirian kilang di Gurun ini adalah tepat pada masanya.

14. Selain daripada adanya bahan mentah yang mudah diperolehi dan paras penggunaan yang semakin meningkat, para pelabur juga patut tertarik dengan perkembangan terbaru dalam ASEAN. Rantau Asia Tenggara bukan sahaja merupakan salah satu rantau yang berkembang dengan pesat, tetapi juga aspirasi negara-negara rantau ini untuk memajukan ekonomi mereka akan menyebabkan peningkatan permintaan bagi keluli dan barangan keluli. Pembentukan AFTA juga akan membantu usaha untuk membebaskan lagi perdagangan di antara negara-negara ASEAN dalam beberapa tahun akan datang.

15. Justeru itu, saya menyeru pelabur-pelabur tempatan supaya mengambil peluang ini untuk menerokai pasaran ASEAN. Mereka seharusnya tidak bergantung kepada teknologi yang diimport semata-mata. Sebaliknya mereka perlu membangunkan keupayaan Penyelidikan dan Pembangunan (R & D) mereka. Adalah diharapkan bahawa kilang Perwaja di Gurun ini akan membuka jalan bagi meningkatkan lagi R & D tempatan supaya kita akan terus kompetitif dalam pengeluaran barangan keluli.

16. Saya berharap pengilang-pengilang keluli tempatan akan lebih agresif lagi dalam usaha-usaha pemasaran dan eksport mereka. Ini boleh dilakukan dengan memperbaiki rangkaian pemasaran serta meningkatkan lagi mutu barangan mereka.

17. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan kilang Perwaja Steel Sdn. Bhd. ini.